



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 4, Blok E10, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya
Tel : 603-8883 4419
Faks : 603-88886270
E-mail : drchongck@moh.gov.my

**KENYATAAN AKHBAR
PENGARAH KAWALAN PENYAKIT
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
PENGUATKUASAAN “OPS GEMPUR AEDES” SELURUH MALAYSIA
8 JULAI 2013**

Pada masa ini situasi denggi di Malaysia telah menunjukkan peningkatan jumlah kes, kematian dan lokaliti wabak. Sehingga 6 Julai 2013, terdapat sebanyak 13,414 kes dilaporkan diseluruh negara, iaitu peningkatan kes sebanyak 11% (1,295 kes) berbanding dengan hanya 12,119 kes yang dilaporkan bagi tempoh yang sama tahun 2012. Begitu juga dengan kematian denggi iaitu sebanyak 27 kematian dilaporkan tahun ini, berbanding dengan 25 kematian bagi tempoh sama pada tahun 2012.

Jumlah lokaliti wabak juga menunjukkan peningkatan dimana pada masa ini sebanyak 146 lokaliti berwabak di seluruh Malaysia dan 84 lokaliti atau 58% daripadanya adalah di Selangor, manakala 26 lokaliti (18%) adalah berada di Johor dan 15 lokaliti (10%) di WP Kuala Lumpur-Putrajaya. Terdapat 4 lokaliti hotspot atau wabak yang berlarutan di Selangor iaitu Seksyen 7E B Shah Alam (Jln 7/101-7/103), Seksyen U2 (Pangsapuri Ilham), Shah Alam dan PJS 10 Kondo Ridzuan di daerah Petaling dan Jln Bukit Permai1-5 (Taman Bukit Permai) di daerah Hulu Langat.

Berdasarkan situasi denggi yang membimbangkan ini, Kementerian Kesihatan mengambil tindakan mengadakan operasi bersepadu penguatkuasaan Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 di seluruh Negara untuk membendung peningkatan kes Denggi dan juga kejadian wabak Denggi. Analisa

dari Kementerian Kesihatan bagi tahun 2013 juga menunjukkan negeri-negeri di Lembah Klang iaitu Selangor dan WP Kuala Lumpur-Putrajaya mempunyai kadar pembiakan Aedes melebihi kadar sensitif iaitu 2.11% dan 1.86%. Ini menunjukkan masih banyak kawasan yang kurang bersih dan banyak tempat pembiakan Aedes. Keadaan ini akan menyebabkan risiko jangkitan denggi adalah tinggi kepada penduduk.

Sehubungan itu demi kepentingan orang awam, KKM melaksanakan “Ops Gempur Aedes” hari ini (8 Julai 2013) yang melibatkan 27 lokaliti wabak atau lokaliti bermasalah Denggi di seluruh Negara. Penduduk di lokaliti yang terlibat dengan operasi ini telah di maklumkan dan di ingatkan untuk membersihkan kawasan mereka sejak akhir bulan Jun 2013. Tujuan utama operasi adalah untuk menguatkuasakan Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 dan mengambil tindakan penguatkuasaan serta undang-undang terhadap pemilik premis yang membiak Aedes. Operasi ini akan dilaksanakan oleh anggota penguatkuasa dari Kementerian Kesihatan Malaysia dan juga Pihak Berkuasa Tempatan.

Pemilik premis yang didapati membiak nyamuk Aedes di premis mereka akan dikenakan kompaun maksimum RM 500 dan untuk kesalahan berulang tindakan mahkamah akan diambil terhadap pemilik premis. Pemilik premis yang disabitkan kesalahan di mahkamah boleh dikenakan denda maksimum RM 10,000 atau 2 tahun penjara atau kedua-duanya bagi kesalahan pertama dan untuk kesalahan kedua denda maksimum RM 50,000 atau 5 tahun penjara atau kedua-duanya boleh dikenakan.

Sehingga bulan Mei 2013, sejumlah 1,653,872 premis telah diperiksa di seluruh Negara dan didapati ada premis yang membiak Aedes oleh itu sebanyak 6,199 kompaun bernilai RM 3,099,500 telah dikeluarkan kepada pemilik-pemilik

premis ini. Sejumlah 278 kes telah disabitkan kesalahan di mahkamah dengan nilai denda berjumlah RM 129,330.

Operasi bersepadu di seluruh Negara seperti ini akan diteruskan dari semasa ke semasa untuk membendung peningkatan kes Denggi. Operasi ini bukan sahaja tertumpu di kawasan perumahan malah akan diperluaskan ke tapak binaan, premis-premis perniagaan, kawasan industri dan premis-premis kerajaan. Oleh itu, semua lapisan masyarakat diminta membersihkan premis dan kawasan persekitaran masing-masing agar bebas daripada pembiakan nyamuk Aedes.

Semoga dengan adanya kesedaran dan kerjasama semua lapisan masyarakat maka penyakit Denggi dapat dikurangkan malah dapat mengurangkan risiko kehilangan nyawa orang yang kita disayangi. Samalah kita bertindak sekarang, membanteras Aedes adalah tanggungjawab kita bersama.

DR CHONG CHEE KHEONG
Pengarah
Bahagian Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia

8 Julai 2013